



## **KERAJAAN NEGERI JOHOR**

---

### **SURAT PEKELILING ICT BILANGAN 1 TAHUN 2021**

---

#### **GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) KERAJAAN NEGERI JOHOR**

### **SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR**

**10 Oktober 2021**

Diedarkan kepada:

Semua Ketua Jabatan Kerajaan,  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,  
Semua Badan Berkanun,  
Negeri Johor



## ICT@Johor

Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor  
Aras 1, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad,  
Kota Iskandar, 79503 Iskandar Puteri, Johor

<https://www.johor.gov.my>

Telefon Pejabat: 07 266 6660 / 266 6661

Faksimili : 07 2661667



Emel: bstict@johor.gov.my

Rujukan Kami: SUK.BSTJ.100-1/7/3 (5)

Tarikh: 10 Oktober 2021

Semua Ketua Jabatan Kerajaan,  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,  
Semua Badan Berkanun,  
Negeri Johor

---

### SURAT PEKELILING ICT BILANGAN 1 TAHUN 2021

---

#### GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) KERAJAAN NEGERI JOHOR

#### TUJUAN

1. Surat Pekeliling ICT ini bertujuan menyediakan panduan kepada Pejabat SUK dan Jabatan Negeri Johor berkenaan permohonan kelulusan teknikal projek ICT daripada Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Negeri Johor yang mengurus setia di ICT@Johor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor serta memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT Kerajaan Negeri Johor.

#### LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2006 (PA 2/2006) bertajuk Pengukuhan Tadbir Urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) telah menetapkan peranan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) adalah untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek ICT Sektor Awam.

3. Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 bertajuk Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam yang berkuatkuasa mulai 11 November 2015 menetapkan supaya Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri menubuhkan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) untuk menyelaras dan memantau permohonan perolehan, pembangunan dan pelaksanaan projek ICT bagi agensi di bawahnya. Agensi di bawah Kerajaan Negeri juga perlu menubuhkan JPICT sendiri bagi menyelaraskan permohonan projek ICT di peringkat agensi masing-masing.

4. JPICT Negeri Johor adalah jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menimbangkan dan meluluskan permohonan kelulusan teknikal daripada Pejabat SUK dan Jabatan Negeri Johor berdasarkan pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT agensi masing-masing bagi perolehan projek ICT.

5. JPICT Negeri Johor menilai permohonan projek ICT Pejabat SUK dan Jabatan Negeri Johor dari aspek daya maju teknikal, pengoptimuman sumber dan keberkesanan kos bagi menyokong keperluan perkhidmatan teras sesebuah agensi. Hal ini bertujuan untuk memastikan projek ICT yang dilaksanakan mempunyai nilai tambah serta dapat memberi pulangan nilai untuk wang (*value for money*), impak dan keberkesanan yang tinggi kepada rakyat sekaligus meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri Johor.

6. JTICT Negeri Johor menilai semua permohonan projek ICT Pejabat SUK Negeri dan Jabatan Negeri Johor dan mengesyorkan perakuan teknikal kepada JPICT Negeri Johor serta memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT yang diluluskan oleh JPICT Negeri Johor.

## TAKRIFAN


7. Takrifan yang digunakan dalam Surat Pekeliling ICT ini adalah seperti berikut:
- (a) **“Jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Johor”** merujuk kepada semua peringkat pentadbiran Kerajaan Negeri Johor iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK), Jabatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
  - (b) **“Pembangunan Projek ICT”** merujuk kepada tempoh pembangunan semua aktiviti perolehan ICT dan/atau pembangunan sistem aplikasi sehingga projek ICT selesai;
  - (c) **“Pelaksanaan Projek ICT”** merujuk kepada tempoh pengoperasian projek ICT selepas pembangunan selesai;
  - (d) **“Daya Maju Teknikal”** merujuk kepada kualiti teknikal bagi memastikan keberkesanan dan kejayaan projek ICT;
  - (e) **“Pengoptimuman Sumber”** merujuk kepada kaedah dan proses konsolidasi sumber seperti perkongsian infrastruktur, integrasi sistem aplikasi dan perkongsian kepakaran untuk tujuan keberkesanan dan penjimatan kos projek ICT; dan
  - (f) **“Projek ICT yang Berimpak Tinggi”** merujuk kepada projek ICT berorientasikan pelanggan/rakyat (*customer centric project*) yang mempunyai kompleksiti yang tinggi serta liputan penggunaan yang luas di pelbagai peringkat pengguna.

## TANGGUNGJAWAB JABATAN DAN AGENSI

8. Semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Johor dikehendaki mematuhi Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT Sektor Awam dengan mengambil tindakan seperti yang berikut:

- (a) Jabatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab memastikan penubuhan dan pelaksanaan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) di peringkat agensi;
- (b) Pejabat SUK dan Jabatan Negeri Johor hendaklah memohon kelulusan teknikal perolehan projek ICT daripada JPICT Negeri Johor mengikut had nilai yang ditetapkan;
- (c) Jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Johor hendaklah memantau dan melaporkan kemajuan projek ICT kepada JTICT Negeri Johor. Seterusnya JTICT Negeri Johor akan melaporkan pembangunan projek ICT kepada JPICT Negeri Johor.
- (d) Pejabat SUK dan Jabatan Negeri Johor hendaklah memantau dan melaporkan kemajuan projek ICT kepada JTICT Negeri Johor **setiap suku tahunan** dari tarikh kelulusan JPICT Negeri Johor.

9. Tadbir Urus Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT Kerajaan Negeri Johor adalah seperti di **Rajah 1**.



**Rajah 1: Struktur Tadbir Urus Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT Kerajaan Negeri Johor**

## **SKOP DAN HAD NILAI KELULUSAN**

10. Skop projek ICT yang memerlukan kelulusan teknikal JPICIT Negeri Johor meliputi projek baharu, peningkatan sistem, penambahan peralatan dan peluasan projek.

11. Had nilai permohonan perolehan projek ICT yang memerlukan kelulusan teknikal JPICIT Negeri Johor adalah seperti berikut:

- (a) **Semua permohonan perolehan projek ICT yang melibatkan SISTEM APLIKASI** perlu mendapat kelulusan teknikal JPICIT Negeri Johor.

- (b) Selain sistem aplikasi, perolehan projek ICT **yang bernilai melebihi RM50,000.00** perlu mendapat kelulusan teknikal JPICT Negeri Johor.

12. Skop dan had nilai permohonan projek ICT bagi Pejabat SUK dan Jabatan Negeri adalah seperti dalam Garis Panduan ini di **Lampiran**.

## **PELAKSANAAN**

13. Pelaksanaan permohonan kelulusan teknikal dan pemantauan projek ICT jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Johor hendaklah berpandukan Garis Panduan ini seperti di **Lampiran**. Jabatan dan agensi hendaklah menyelesaikan isu dasar seperti pindaan akta, perubahan proses dan seumpamanya sebelum projek ICT dilaksanakan.

14. Garis Panduan ini menjelaskan tadbir urus permohonan teknikal projek ICT, tatacara permohonan kelulusan teknikal projek ICT serta pelaporan dan pemantauan projek ICT seperti yang berikut:

- (a) Tadbir urus yang melibatkan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal Kerajaan Negeri Johor;
- (b) Tatacara permohonan merangkumi proses permohonan, skop dan had nilai permohonan projek serta pendekatan pelaksanaan projek ICT; dan
- (c) Kekerapan pelaporan dan pemantauan kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT.

## **TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN TEKNIKAL JPICT NEGERI JOHOR**

15. Tempoh sah laku teknikal perolehan ICT yang dikeluarkan oleh JPICT Negeri Johor ialah **dua (2) tahun daripada tarikh sijil kelulusan**.

Lampiran kepada  
Surat Pekeliling ICT Bilangan 1 Tahun 2021

**GARIS PANDUAN  
PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL DAN  
PEMANTAUAN PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT  
DAN KOMUNIKASI (ICT) KERAJAAN NEGERI  
JOHOR**

**ICT@Johor  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor**



## MAKLUMAT DOKUMEN

<b>Tajuk</b>	<b>:</b>	<b>Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Kerajaan Negeri Johor</b>
<b>Versi</b>	<b>:</b>	<b>1.0</b>
<b>Tarikh Kuat Kuasa</b>	<b>:</b>	<b>10 Oktober 2021</b>
<b>Pemilik</b>	<b>:</b>	<b>ICT@Johor Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor</b>

## REKOD PINDAAN DOKUMEN

<b>TARIKH</b>	<b>VERSI</b>	<b>KETERANGAN PINDAAN</b>
	<b>1.0</b>	-

## **KANDUNGAN**

<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>ii</b>
<b>1. TUJUAN</b>	<b>1</b>
<b>2. KEAHLIAN DAN BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) NEGERI JOHOR</b>	<b>1</b>
<b>3. KEAHLIAN DAN BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTICT) NEGERI JOHOR</b>	<b>5</b>
<b>4. PENUBUHAN DAN PERANAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) AGENSI</b>	<b>6</b>
<b>5. SKOP PROJEK ICT YANG MEMERLUKAN KELULUSAN TEKNIKAL JPICT NEGERI JOHOR</b>	<b>8</b>
<b>6. JAMINAN KUALITI</b>	<b>11</b>
<b>7. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT</b>	<b>12</b>
<b>8. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN KEMAJUAN PELAKSANAAN DAN PEMBANGUNAN PROJEK ICT YANG DILULUSKAN OLEH JPICT NEGERI JOHOR</b>	<b>14</b>
<b>9. PENUTUP</b>	<b>14</b>

## SENARAI LAMPIRAN

<b>Lampiran</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>LAMPIRAN A</b>	Keahlian dan Bidang Rujukan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan Negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan	15
<b>LAMPIRAN B-1</b>	Format Kertas Cadangan Permohonan Kelulusan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kerajaan Negeri Johor	17
<b>LAMPIRAN B-2</b>	Format Slaid Pembentangan	21
<b>LAMPIRAN C</b>	Panduan Pendekatan Pelaksanaan dan Ciri-Ciri Projek ICT	22
<b>LAMPIRAN D</b>	Had Nilai Perolehan Projek ICT Untuk Kelulusan JPICT Negeri Johor Bagi Pejabat SUK dan Jabatan Negeri	24
<b>LAMPIRAN E</b>	Carta Alir Kelulusan Teknikal Perolehan Projek ICT Pejabat SUK dan Jabatan Negeri	25
<b>LAMPIRAN F</b>	Carta Alir Kelulusan Teknikal Perolehan Projek ICT Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan	26

## 1. TUJUAN

- 1.1. Dokumen ini bertujuan untuk menyediakan panduan kepada jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Johor mengenai tatacara memohon kelulusan teknikal dan memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

## 2. KEAHLIAN DAN BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) NEGERI JOHOR

- 2.1. Keahlian JPICT Negeri Johor adalah seperti yang berikut:

**Pengerusi:** Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Johor

### **Ahli-Ahli:**

#### **Jabatan Negeri**

- (i) YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor
- (ii) YB Pegawai Kewangan Negeri Johor
- (iii) Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor
- (iv) Mufti, Jabatan Mufti Negeri Johor
- (v) Pengarah, Jabatan Agama Islam Negeri Johor
- (vi) Pengarah, Pejabat Tanah dan Galian Johor
- (vii) Pengelola Bijaya Diraja Johor, Jabatan Diraja Johor
- (viii) Pengarah, Tourism Johor
- (ix) Pengarah, Muzium Diraja Johor
- (x) Pengarah, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor
- (xi) Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor
- (xii) Pengarah, Pejabat Kebun Bunga Kerajaan Johor

#### **Jabatan Persekutuan**

- (i) Pengarah, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor
- (ii) Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor
- (iii) Pengarah, PlanMalaysia@Johor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor)

- (iv) Pengarah, Jabatan Pertanian Negeri Johor
- (v) Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor
- (vi) Pengarah, Jabatan Perhutanan Negeri Johor
- (vii) Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor

### **Pejabat SUK**

- (i) Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- (ii) Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor
- (iii) Setiausaha Bahagian, Bahagian Perumahan
- (iv) Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan Tempatan
- (v) Setiausaha Bahagian, ICT @ Johor
- (vi) Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor, Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor
- (vii) Setiausaha Bahagian, Bahagian Pemantauan dan Kesejahteraan Rakyat
- (viii) Setiausaha Bahagian, Bahagian Khidmat Pengurusan
- (ix) Ketua Setiausaha Sulit Kepada YAB Menteri Besar Johor, Pejabat Menteri Besar Johor
- (x) Pengarah, Badan Kawalselia Air Johor
- (xi) Pengarah, Majlis Sukan Negeri Johor
- (xii) Pengarah, Jabatan Lanskap Negeri Johor
- (xiii) Ketua Unit Integriti
- (xiv) Ketua Unit Audit Dalam
- (xv) Ketua Unit Pengurusan SSI
- (xvi) Ketua Unit Korporat dan Kualiti
- (xvii) Ketua Unit Undang-Undang

### **Pentadbiran Daerah**

- (i) Pegawai Daerah Johor Bahru
- (ii) Pegawai Daerah Muar
- (iii) Pegawai Daerah Batu Pahat
- (iv) Pegawai Daerah Segamat
- (v) Pegawai Daerah Kluang
- (vi) Pegawai Daerah Pontian

- (vii) Pegawai Daerah Kota Tinggi
- (viii) Pegawai Daerah Mersing
- (ix) Pegawai Daerah Tangkak
- (x) Pegawai Daerah Kulai

**Pihak Berkuasa Tempatan**

- (i) Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru
- (ii) Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
- (iii) Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pasir Gudang
- (iv) Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Muar
- (v) Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Batu Pahat
- (vi) Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kluang
- (vii) Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kulai
- (viii) Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Segamat
- (ix) Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pengerang
- (x) Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pontian
- (xi) Yang Dipertua Majlis Daerah Tangkak
- (xii) Yang Dipertua Majlis Daerah Yong Peng
- (xiii) Yang Dipertua, Majlis Daerah Simpang Renggam
- (xiv) Yang Dipertua, Majlis Daerah Labis
- (xv) Yang Dipertua, Majlis Daerah Kota Tinggi
- (xvi) Yang Dipertua, Majlis Daerah Mersing

**Pentadbiran Tanah**

- (i) Pentadbir Tanah Daerah Johor Bahru
- (ii) Pentadbir Tanah Daerah Muar
- (iii) Pentadbir Tanah Daerah Batu Pahat
- (iv) Pentadbir Tanah Daerah Segamat
- (v) Pentadbir Tanah Daerah Kluang
- (vi) Pentadbir Tanah Daerah Pontian
- (vii) Pentadbir Tanah Daerah Kota Tinggi
- (viii) Pentadbir Tanah Daerah Mersing
- (ix) Pentadbir Tanah Daerah Tangkak
- (x) Pentadbir Tanah Daerah Kulai

### **Badan Berkanun Negeri**

- (i) Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam Johor
- (ii) Pengurus Besar, Yayasan Pelajaran Johor
- (iii) Pengurus Besar, Perbadanan Islam Johor
- (iv) Pengurus Besar, Perbadanan Stadium Johor
- (v) Pengarah, Yayasan Warisan Johor
- (vi) Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim
- (vii) Pengarah, Perbadanan Taman Negara Johor
- (viii) Pengarah, Perbadanan Perpustakaan Awam Johor

**Urus Setia:** Seksyen Latihan dan Penyelidikan, ICT@Johor

- 2.2. Bidang rujukan JPICT Kerajaan Negeri Johor adalah seperti berikut:
- 2.2.1. Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan ICT Kerajaan Negeri Johor;
  - 2.2.2. Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT Kerajaan Negeri Johor;
  - 2.2.3. Merancang dan menyelaraskan pembangunan program/projek ICT Kerajaan Negeri Johor supaya selaras dengan Pelan Strategik SUK dan Pelan Strategik ICT Kerajaan Negeri Johor;
  - 2.2.4. Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek ICT antara semua agensi di bawah Kerajaan Negeri Johor;
  - 2.2.5. Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;
  - 2.2.6. Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT agensi Kerajaan Negeri Johor, serta memahami keperluan, masalah dan

isu-isu yang dihadapi dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT;  
dan

- 2.2.7. Menilai dan meluluskan semua perolehan ICT bagi Pejabat SUK dan Jabatan Negeri berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan.

### **3. KEAHLIAN DAN BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTICT) NEGERI JOHOR**

- 3.1. Keahlian JTICT Negeri Johor adalah seperti berikut:

**Pengerusi:** Setiausaha Bahagian, ICT@Johor

**Ahli-Ahli:**

- (i) Semua Penolong Setiausaha, ICT@Johor
- (ii) Semua Pegawai Teknologi Maklumat Pihak Berkuasa Tempatan
- (iii) Semua Pegawai Teknologi Maklumat di Agensi-Agensi Kerajaan Negeri Johor

**Urus Setia:** Seksyen Latihan dan Penyelidikan, ICT@Johor

- 3.2. Bidang rujukan JTICT Negeri Johor adalah seperti berikut:

- 3.2.1. Memproses dan menilai semua permohonan perolehan projek ICT Kerajaan Negeri Johor dan agensi Negeri di bawahnya;
- 3.2.2. Mengesyorkan perakuan teknikal projek ICT kepada JPICIT Negeri Johor;
- 3.2.3. Memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT agensi yang diluluskan oleh JPICIT Negeri Johor dan melaporkan kepada JPICIT Negeri Johor;



- 3.2.4. Mengenal pasti masalah dan isu semasa dalam pembangunan atau pelaksanaan projek ICT agensi di bawah Kerajaan Negeri Johor serta mengesyorkan cadangan penyelesaian kepada JPICT Negeri Johor;
- 3.2.5. Meneroka teknologi baru dan terkini dalam memastikan arus pembangunan Projek-Projek ICT Kerajaan Negeri Johor seiring dengan keperluan teknologi semasa; dan
- 3.2.6. Menyediakan laporan kepada JPICT Negeri Johor mengikut keperluan.

#### **4. PENUBUHAN DAN PERANAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) AGENSI**

- 4.1. Semua Jabatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu menubuhkan JPICT sendiri bagi menyelaraskan permohonan projek ICT di peringkat agensi masing-masing.
- 4.2. Keahlian JPICT Agensi dan bidang rujukan adalah seperti di **LAMPIRAN A: Keahlian dan Bidang Rujukan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan Negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan.**
- 4.3. JPICT Negeri Johor akan memastikan semua Pejabat SUK dan Jabatan Negeri melaksanakan kajian pasaran, penentuan skop, kajian ketersauran dan kajian lain mengikut keperluan projek bagi memantapkan permohonan perolehan projek ICT.
- 4.4. JPICT Negeri Johor juga akan memastikan semua Pejabat SUK dan Jabatan Negeri melaksanakan Kajian Pasca Pelaksanaan [*Post Implementation Review (PIR)*] sekurang-kurangnya **enam (6) bulan**

**selepas keseluruhan projek dilaksanakan (*go live*)** bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan projek ICT.

- 4.5. Sebelum projek ICT diperluas, JPICT Negeri Johor akan memastikan agensi melaksanakan kajian impak projek ICT bagi mengenal pasti anggaran keperluan sumber sebenar seperti sumber kewangan, sumber manusia dan keperluan infrastruktur.
- 4.6. Bagi projek ICT yang berimpak tinggi, JPICT Negeri Johor boleh mempertimbangkan untuk mendapatkan khidmat perundingan daripada Perunding ICT MAMPU dari peringkat awal perancangan projek bagi mendapatkan penyelesaian terbaik dan memastikan cadangan keseluruhan projek yang mantap. Ini juga dapat mengelakkan perancangan projek yang condong ke arah cadangan pembekal (*vendor driven*). Permohonan khidmat perundingan Perunding ICT MAMPU ini akan diselaraskan dan diputuskan oleh JPICT Negeri Johor.
- 4.7. JPICT Agensi bertanggungjawab untuk memastikan semua perolehan projek ICT yang dibuat adalah berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan. **Peranan Audit Dalam akan dilibatkan bagi tujuan ini.**
- 4.8. Semua perolehan ICT juga hendaklah berdasarkan kepada pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT agensi masing-masing. JPICT akan memberi keutamaan kepada projek ICT yang telah dirancang dalam pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT.
- 4.9. Semua perolehan ICT hendaklah mendapat kelulusan peruntukan kewangan sebelum dikemukakan untuk kelulusan teknikal di peringkat JPICT.

## 5. SKOP PROJEK ICT YANG MEMERLUKAN KELULUSAN TEKNIKAL JPICT NEGERI JOHOR

5.1. Skop projek ICT yang perlu mendapatkan kelulusan teknikal JPICT Negeri Johor adalah seperti yang berikut:

### (a) Projek Baharu

**Projek baharu** bermaksud projek pengkomputeran yang melibatkan salah satu atau gabungan aktiviti perolehan perkakasan, perisian, rangkaian, pengurusan data, pembangunan sistem aplikasi serta perkhidmatan berasaskan ICT untuk membangunkan projek ICT agensi Kerajaan seperti yang berikut:

- (i) **Pembangunan Sistem Aplikasi** yang dimaksudkan merangkumi pembangunan sistem aplikasi menggunakan perisian pembangunan, *customization* dan/atau integrasi;
- (ii) **Perkakasan ICT** yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perkakasan atau peranti elektronik yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu projek ICT, iaitu peralatan input/output (contoh: pencetak, pengimbas, alat baca biometrik, Suara Melalui IP (VoIP), pemprosesan, storan data, multimedia, [contoh: persidangan video (*video conferencing*)], perkakasan komunikasi mudah alih [contoh: jalur lebar tanpa wayar (*wireless broadband*)] dan perkakasan komunikasi berteknologi tinggi (contoh: radar, satelit);
- (iii) **Perisian ICT** yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perisian sistem, perisian aplikasi dan lesen perisian (pembelian dan pembaharuan). Perisian sistem merangkumi sistem operasi, pangkalan data dan perisian bagi membangunkan sistem. Perisian aplikasi ialah perisian yang digunakan untuk

menyokong kerja-kerja harian dalam urusan pengurusan dan pentadbiran pejabat serta pengajaran dan pembelajaran;

- (iv) **Rangkaian** ICT yang dimaksudkan merangkumi perolehan perkakasan, perolehan perisian dan perolehan perkhidmatan bagi menyediakan kemudahan rangkaian luas [*Wide Area Network* (WAN)], rangkaian setempat [*Local Area Network* (LAN)] dan rangkaian tanpa wayar; dan
- (v) **Perkhidmatan-perkhidmatan lain** berasaskan ICT yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perkhidmatan teknikal yang diperolehi daripada syarikat perunding swasta, kontraktor dan syarikat-syarikat lain yang berkaitan. Antara contoh perkhidmatan ICT termasuklah instalasi dan konfigurasi perkakasan, pemasangan sistem, pengurusan perubahan (CM), latihan dan pemindahan teknologi (TOT), pejabat pengurusan projek (PMO), pengurusan data (migrasi, pemurnian, kunci masuk, pemulihan, penukaran), perkhidmatan keselamatan ICT, sewaan perkakasan, perkhidmatan pengehosan (*hosting*), migrasi sistem, langganan maklumat dalam talian dan seumpamanya.

#### **(b) Peningkatan Sistem**

**Peningkatan sistem** bermaksud mempertingkatkan keupayaan, perubahan dan/atau pertambahan skop/ tempoh, *change request* (CR) atau menaik taraf perkakasan, perisian, rangkaian, aplikasi dan/atau perkhidmatan ICT. Contoh yang dimaksudkan seperti peningkatan perkakasan dari segi konfigurasi dan kapasiti, pengemaskinian fungsi dalam sistem ICT sedia ada kepada tahap yang lebih baik, peningkatan saiz lebar jalur (*bandwidth*) serta peluasan rangkaian, perubahan dan/atau pertambahan skop perkhidmatan sedia ada kepada yang lebih baik dan seumpamanya.

**(c) Pertambahan Peralatan**

**Pertambahan peralatan** bermaksud menambahkan bilangan bagi mana-mana perkara di bawah kategori perkakasan, perisian dan/atau rangkaian bagi projek ICT sedia ada.

**(d) Peluasan Projek**

**Peluasan (roll-out) projek** bermaksud memperkembangkan pelaksanaan projek ICT dari lokasi sedia ada ke lokasi-lokasi lain atau dengan menambah bilangan pengguna di lokasi yang sama atau pun kedua-duanya sekali.

- 5.2. Perolehan peralatan bukan ICT boleh dilaksanakan bersama dengan perolehan projek ICT sekiranya perolehan peralatan bukan ICT menyokong pelaksanaan projek baharu ICT [Contoh: perolehan televisyen litar tertutup (*Closed-Circuit TV (CCTV)*)], bekalan kuasa tanpa gangguan [*Uninterruptible Power Supply (UPS)*], rak pelayan dan penyaman udara untuk tujuan membangunkan pusat data atau perolehan projektor bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran).
- 5.3. Perolehan perkhidmatan penyenggaraan selepas tamat tempoh waranti tidak boleh dilaksanakan bersama dengan perolehan projek ICT.
- 5.4. Perolehan yang dikecualikan daripada mendapat kelulusan teknikal JPICT Negeri Johor adalah seperti yang berikut:
- (a) Perkhidmatan penyenggaraan peralatan ICT dan sistem aplikasi;
  - (b) Perkhidmatan ICT yang memerlukan perlanjutan seperti langganan maklumat dalam talian, sewaan talian Internet dan perkhidmatan pengehosan (*hosting*) yang tiada perubahan kepada skop asal tidak perlu memohon kelulusan teknikal JPICT Negeri Johor bagi perkhidmatan seterusnya;

- (c) Perolehan peralatan teknologi baharu dan peralatan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan PK1/2013 Perenggan 6 (x) bertajuk Garis Panduan Mengenai Penyelarasan Penggunaan dan Perolehan Kemudahan dan Peralatan Teknologi Baru di agensi Kerajaan;
- (d) Perolehan bagi peralatan bukan ICT yang digabung dengan peralatan ICT untuk tujuan khas seperti perkakasan instrumen saintifik, contoh teleskop di balai cerapan); perubatan, contoh: mesin pengimejan resonans magnetik [magnetic resonance imaging (MRI)]; keselamatan, contoh: Sistem Risikan Tentera (Military Intelligence System), Sistem Pengukuran Amaran (Alert Measurement System), Radio Komunikasi Tentera Kriptografi (Cryptography Military Communications Radio); kejuruteraan, contoh: Simulator Penerbangan Penuh (Full Flight Simulator) dan seumpamanya; dan
- (e) Komponen alat ganti, barang pakai habis (*consumable item*), aksesori, perabot komputer, kamera, projektor, CCTV, penyaman udara, telefon pintar (*smartphone*), mesin fax, mesin fotostat dan seumpamanya.

## 6. JAMINAN KUALITI

- 6.1. Bagi projek yang kritikal dan berimpak tinggi seperti perolehan Sistem Kewangan dan Perakaunan, agensi hendaklah mengenal pasti keperluan memperoleh khidmat jaminan kualiti/pengujian perisian terhadap perolehan aplikasi/sistem ICT daripada pihak ketiga [*Independent Validation and Verification (IVV)*] selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PK2/2013 bertajuk Kaedah Perolehan Kerajaan – Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan.

## 7. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

- 7.1. Perolehan Projek ICT Pejabat SUK perlu mendapat kelulusan peruntukan kewangan sebelum dikemukakan kepada JTICT Negeri Johor.
- 7.2. Semua permohonan perolehan projek ICT daripada Jabatan Negeri hendaklah mendapatkan kelulusan peruntukan kewangan dan kelulusan JPICT Agensi sebelum dikemukakan kepada JPICT Negeri Johor.
- 7.3. Perolehan Projek ICT Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mendapat kelulusan JPICT Agensi masing-masing dan seterusnya hendaklah melaporkan perolehan ICT yang telah diluluskan kepada JPICT Negeri Johor untuk tujuan penyelarasan perolehan.
- 7.4. Format kertas cadangan dan slaid pembentangan adalah seperti di **Lampiran B-1** dan **Lampiran B-2**.
- 7.5. Semua permohonan perolehan hendaklah mengambil kira pendekatan pelaksanaan dan ciri-ciri projek seperti di **LAMPIRAN C: Panduan Pendekatan Pelaksanaan dan Ciri-Ciri Projek ICT**.
- 7.6. Semua permohonan perolehan projek ICT hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti kajian yang telah dilaksanakan, laporan pengurusan nilai, laporan penggunaan, maklumat spesifikasi perkakasan/perisian dan seumpamanya bagi menyokong permohonan.
- 7.7. Had nilai projek ICT bagi perolehan baharu, peningkatan, pertambahan peralatan dan peluasan projek ICT yang memerlukan kelulusan seperti yang berikut:
  - (a) **Semua permohonan perolehan projek ICT yang melibatkan SISTEM APLIKASI** perlu mendapat kelulusan teknikal JPICT Negeri Johor.

- (b) Selain sistem aplikasi, perolehan projek ICT **yang bernilai melebihi RM50,000.00** perlu mendapat kelulusan teknikal JPICT Negeri Johor.
  - (c) Bagi perolehan projek ICT **yang bernilai RM50,000.00 atau kurang** perlu merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Johor yang berkuatkuasa.
- 7.8. Had nilai perolehan projek ICT adalah seperti di **LAMPIRAN D: Had Nilai Perolehan Projek ICT Untuk Kelulusan JPICT Negeri Johor Bagi Pejabat SUK dan Jabatan Negeri.**
- 7.9. Had nilai kelulusan teknikal projek ICT di perenggan 7.7 di atas **tidak termasuk** nilai Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST).
- 7.10. Carta alir permohonan kelulusan teknikal projek ICT bagi Pejabat SUK dan Jabatan Negeri adalah seperti di **LAMPIRAN E: Carta Alir Kelulusan Teknikal Perolehan Projek ICT Pejabat SUK dan Jabatan Negeri.**
- 7.11. Carta alir permohonan kelulusan teknikal projek ICT bagi Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **LAMPIRAN F: Carta Alir Kelulusan Teknikal Perolehan Projek ICT Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.**
- 7.12. Sebelum perolehan projek ICT dilaksanakan oleh jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Johor, semua projek ICT mesti mendapatkan kelulusan teknikal terlebih dahulu berdasarkan tatacara dan peraturan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan ini. Kegagalan mematuhi peraturan ini akan memberi implikasi kepada proses pembayaran dan penyenggaraan.



## **8. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN KEMAJUAN PELAKSANAAN DAN PEMBANGUNAN PROJEK ICT YANG DILULUSKAN OLEH JPICT NEGERI JOHOR**

- 8.1. Pejabat SUK dan Jabatan Negeri hendaklah memantau dan melaporkan kemajuan pelaksanaan dan pembangunan projek ICT kepada JTICT Negeri Johor. Seterusnya, JTICT Negeri Johor akan melapor pelaksanaan dan pembangunan projek ICT kepada JPICT Negeri Johor.
- 8.2. Kekerapan pemantauan dan pelaporan kemajuan pelaksanaan dan pembangunan projek ICT adalah **suku tahunan** dari tarikh kelulusan JPICT Negeri Johor.

## **9. PENUTUP**

- 9.1. Semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Johor hendaklah mematuhi Garis Panduan ini dalam memohon kelulusan teknikal perolehan projek ICT dan memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT.

**KEAHLIAN DAN BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT)  
JABATAN NEGERI/BADAN BERKANUN NEGERI/PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN**

Keahlian JPICT Agensi adalah seperti berikut:

Pengerusi: Ketua Agensi/Ketua Pegawai Maklumat Agensi (CIO)/Pegawai yang diturunkan kuasa

**Ahli-Ahli:**

- (i) Semua Ketua Jabatan
- (ii) Semua Ketua Bahagian/Cawangan
- (iii) Semua Ketua Unit

**Urus Setia:** Bahagian/Unit ICT Agensi

**Bidang rujukan JPICT Agensi:**

- (i) Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan ICT agensi;
- (ii) Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT agensi;
- (iii) Merancang dan menyelaras pembangunan dan pelaksanaan program/projek ICT agensi;
- (iv) Menyelaraskan dan menyeragamkan pembangunan ICT agensi agar selari dengan pelan strategik organisasi dan pelan strategik ICT agensi;

- (v) Meluluskan projek ICT agensi berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;
- (vi) Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT agensi serta memahami keperluan, masalah dan isu yang dihadapi dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT;
- (vii) Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;
- (viii) Mengemukakan cadangan perolehan ICT kepada JPICIT Negeri Johor untuk kelulusan (bagi Jabatan Negeri sahaja); dan
- (ix) Mengemukakan laporan perolehan ICT yang telah diluluskan di peringkat JPICIT Agensi dan telah dibuat perolehan kepada JPICIT Negeri Johor.

**FORMAT KERTAS CADANGAN**

**Font – Arial  
Size - 14**

**CONTOH**

**PERMOHONAN KELULUSAN  
JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT)**

**Mengemukakan Kertas Cadangan**

**PEROLEHAN PERALATAN ICT – KOMPUTER DESKTOP DAN  
PENCETAK**

Oleh

XXXXXXXXXXXX

## 1.0. TUJUAN

Kertas cadangan ini bertujuan memohon pertimbangan untuk mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Teknikal ICT Negeri Johor mengenai cadangan perolehan peralatan ICT iaitu **XXXXXXXX** untuk diperakukan kepada Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Johor.

## 2.0. LATAR BELAKANG

XXXXXX

## 3.0. OBJEKTIF

3.1. XXXXX

3.2. XXXXX

## 4.0. JUSTIFIKASI PEROLEHAN

4.1. XXXXX

4.2. XXXXX

## 5.0. IMPLIKASI KEWANGAN

Bil.	Perkara	Unit	Kos Seunit (RM)	Jumlah
<b>Jumlah Keseluruhan</b>				

Anggaran kos bagi ..... adalah berjumlah RM..... dan akan menggunakan bajet P01/B01. Sila rujuk **LAMPIRAN** untuk spesifikasi teknikal dan kos terperinci.

## **6.0. SYOR**

Kertas cadangan ini dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT Negeri Johor untuk pertimbangan dan seterusnya kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Johor.

## **7.0. PERAKUAN**

Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT Negeri Johor adalah dipohon menimbang perakuan syor di para 6.0. seperti di atas kepada Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Johor.

## **8.0. MAKLUMAT PEGAWAI YANG DIHUBUNGI**

Nama Pegawai Penyelaras:

Jawatan: Pegawai Teknologi Maklumat

Gred Jawatan: F41

No Telefon:

No Fax:

E-mel:

## **KEPUTUSAN**

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT Negeri Johor dengan ini meluluskan / tidak meluluskan cadangan perolehan peralatan ICT iaitu XXXXXXXX untuk diperakukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Johor.

\_\_\_\_\_  
( )

Tarikh:



## **Format Slaid Pembentangan**

- 1. Tajuk Kertas Cadangan dan Nama Jabatan**
- 2. Latar Belakang**
- 3. Objektif**
- 4. Justifikasi**
- 5. Implikasi Kewangan**



PANDUAN PENDEKATAN PELAKSANAAN DAN CIRI-CIRI PROJEK ICT

**PENDEKATAN PELAKSANAAN PROJEK ICT**

1. Menepati keperluan pemegang taruh (*stakeholder*)/pengguna (*fit for purpose*).
2. Mengambil kira aspek keselamatan, pematuhan kepada standard terbuka serta standard sedia ada.
3. Kepakaran dan kapasiti ICT di agensi untuk menyokong pelaksanaan projek.
4. Mengambil kira spesifikasi peralatan terkini di pasaran.
5. Mewujudkan struktur tadbir urus projek untuk menjamin dan mengekalkan kesinambungan projek.
6. Tempoh pelaksanaan yang realistik.
7. Mengambil kira inisiatif ICT Sektor Awam sedia ada bagi memastikan tiada pertindihan.

**CIRI-CIRI PROJEK ICT**

Perkakasan/Perisian/Lesen	Aplikasi	Perkhidmatan	Rangkaian
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kesesuaian spesifikasi dengan matlamat penggunaan.</li> <li>2. Kebolehskalaan (<i>Scalability – start small, expand when needed</i>).</li> <li>3. Kesesuaian konfigurasi server (<i>should be able to sustain application requirement for a certain period of time</i>).</li> <li>4. Bilangan unit diperlukan berbanding perjawatan.</li> <li>5. Menggalakkan perkongsian perkakasan.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Senibina Perkhidmatan dan Senibina Maklumat aplikasi.</li> <li>2. Senarai modul aplikasi.</li> <li>3. Mematuhi kitar hayat pembangunan sistem.</li> <li>4. Platform yang dicadangkan.</li> <li>5. Pangkalan data.</li> <li>6. Struktur data mengikut standard <i>Data Dictionary</i> Sektor Awam.</li> <li>7. Integrasi/saling kendali (<i>interoperability</i>) dengan sistem legasi, dalaman dan luaran.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kaji keupayaan sumber manusia di agensi berbanding dengan perkhidmatan teknikal yang dipohon.</li> <li>2. Bandingkan kepakaran ICT sedia ada di agensi dengan permohonan perkhidmatan teknikal yang diperlukan.</li> <li>3. Justifikasi dan perincian setiap perkhidmatan yang diperoleh berserta perincian kos sumber manusia (<i>mandays</i>).</li> <li>4. Kesesuaian skop projek dengan jenis dan tempoh latihan serta TOT bagi tujuan penggunaan dan penyelenggaraan sistem.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keupayaan infrastruktur rangkaian sedia ada (LAN, WAN).</li> <li>2. Spesifikasi dan reka bentuk yang dicadangkan/Senibina Teknologi.</li> <li>3. Kesesuaian teknologi rangkaian.</li> <li>4. Keselamatan rangkaian (<i>firewall, router, WAF, switches, IPS, IDS</i> dan lain-lain).</li> </ol> <p><b><u>Peningkatan/Peluasan</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kekangan infrastruktur sedia ada.</li> <li>2. Kajian impak termasuk penggunaan jaringan (<i>network utilization</i>)/prestasi (<i>performance</i>).</li> </ol>


<p>6. Nisbah pegawai kepada perkakasan (1:1) bagi komputer peribadi (PC) atau komputer riba (<i>notebook</i>).</p> <p>7. Senarai agihan perkakasan/perisian serta justifikasi perolehan.</p> <p>8. Pelan pelupusan bagi perkakasan yang hendak diganti.</p> <p>9. Lesen caj sekali atau kos berulang.</p> <p>10. Pematuhan kepada IPv6.</p> <p>11. Ke arah ICT hijau.</p>	<p>8. Pendekatan pelaksanaan (berpusat, teragih, <i>hosting</i>, dan sebagainya).</p> <p>9. Kepakaran ICT yang ada.</p> <p>10. Potensi perkongsian pintar.</p> <p>11. Kebolehskalaan (<i>Scalability – start small, grow as required</i>).</p> <p>12. Pelan Migrasi.</p> <p><b><u>Peningkatan</u></b></p> <p>1. Kekangan sistem sedia ada.</p> <p>2. Keperluan tambahan bagi menyokong peningkatan sistem.</p> <p><b><u>Peluasan</u></b></p> <p>1. Melaksanakan kajian impak projek sedia ada sebelum peluasan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kesediaan sistem (<i>system readiness</i>);</li> <li>ii. Kesediaan lokasi dan infrastruktur (<i>location and infrastructure readiness</i>); dan</li> <li>iii. Kesediaan pengguna (<i>User readiness</i>).</li> </ul> <p>2. Pelan peluasan.</p>		
---	--	--	--

**HAD NILAI PEROLEHAN PROJEK ICT UNTUK KELULUSAN JPICT NEGERI JOHOR  
BAGI PEJABAT SUK DAN JABATAN NEGERI JOHOR**


<b>BIL</b>	<b>KATEGORI PEROLEHAN PROJEK</b>	<b>SKOP PROJEK</b>	<b>NILAI PEROLEHAN (RM) RIBU (K)</b>
A	Projek Baharu	1. Pembangunan, naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	SEMUA
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), data/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	> 50K
B	Peningkatan Sistem	1. Naik taraf sistem aplikasi dan/atau integrasi.	SEMUA
		2. Naik taraf perkakasan (pembelian atau sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	> 50K
C	Pertambahan Peralatan	Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	> 50K
D	Peluasan Projek	1. Peluasan penggunaan sistem aplikasi.	SEMUA
		2. Perolehan perkakasan (pembelian dan sewaan), dan/atau perisian, dan/atau rangkaian dan/atau perkhidmatan ICT.	> 50K

**CARTA ALIR KELULUSAN TEKNIKAL PEROLEHAN PROJEK ICT  
PEJABAT SUK DAN JABATAN NEGERI**

\* Semua perolehan bagi pembangunan sistem/aplikasi perlu diselaraskan oleh ICT@Johor sebelum dibawa untuk kelulusan JPICT Negeri Johor.



**CARTA ALIR KELULUSAN TEKNIKAL PEROLEHAN PROJEK ICT  
BADAN BERKANUN NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**



**\*Keterangan**

**Bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

Perolehan sistem baharu/naik taraf yang berpotensi diperluaskan kesemua PBT di Negeri Johor perlu diselaraskan oleh SUK Bahagian Kerajaan Tempatan.

Kertas cadangan perolehan dibawa oleh SUK Bahagian Kerajaan Tempatan ke JTICT Negeri Johor.